

**Tiada sebab tukar kerajaan
Utusan Online
30 April, 2013**

BERA 29 April - Rakyat tidak perlu mengubah kerajaan untuk menikmati kemajuan kerana Barisan Nasional (BN) sentiasa melakukan transformasi dari semasa ke semasa untuk memastikan kesejahteraan setiap lapisan masyarakat di negara ini.

Calon BN Dewan Undangan Negeri (DUN) Kemayan, Mohd. Fadil Osman berkata, jika tidak ada pembangunan seperti didakwa pembangkang tentunya negara ini berada dalam keadaan mundur dan situasinya tidak akan seperti mana yang dapat disaksikan hari ini.

"Kerajaan sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat tetapi sifat manusia sememangnya tidak pernah puas hati dengan apa yang diterima hingga menganggap kerajaan mengabaikan kepentingan rakyat.

"Kalau ada rasa tak puas hati pun biarlah bertempat kerana setiap permintaan rakyat tetap akan ditunaikan kerajaan. Soalnya cepat atau lambat yang bergantung kepada keperluan semasa," kata Mohd. Padil ketika mengadakan tinjauan mesra di Pekan Sehari Kemayan di sini kelmarin.

Tambahnya, bagi rakyat yang bersyukur mereka akan menunggu pembangunan dengan sabar tetapi yang sebaliknya akan memberontak menentang kerajaan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130430/px_77/Tiada-sebab-tukar-kerajaan#ixzz2ZoO3lY4r